

05 MAR 2002

KWSP-Caruman

KADAR CARUMAN KWSP PEKERJA DINAIKKAN SEMULA KEPADA 11 PERATUS

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Caruman bahagian pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dinaikkan semula kepada kadar 11 peratus daripada sembilan peratus berkuatkuasa dari gaji bulan April tahun ini.

Kadar caruman baru itu perlu dipotong daripada gaji bulan April dan dibayar sebagai caruman bulan Mei 2002, kata Pengurus Perhubungan Awam KWSP Nik Affendi Jaafar dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, katanya caruman KWSP bahagian majikan kekal pada kadar 12 peratus. Sebelum ini kadar caruman bahagian pekerja diturunkan untuk tempoh setahun bermula April 2001.

Ketika menjelaskan sebab penurunan caruman itu pada 3 April, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ia bertujuan untuk merangsang ekonomi negara yang terjejas dengan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ketika itu.

Berikutan bantahan daripada beberapa pihak, kerajaan kemudian membenarkan pekerja sama ada memilih untuk mengurangkan caruman mereka pada kadar sembilan peratus atau mengekalkannya pada kadar 11 peratus.

Nik Affendi menasihati semua majikan agar memastikan amaun caruman yang betul dipotong daripada gaji pekerja berdasarkan kadar 11 peratus dan dibayar kepada KWSP bermula bulan Mei dan seterusnya.

Beliau berkata bagi pencarum yang sebelum ini memilih untuk mencarum pada kadar 11 peratus iaitu dua peratus melebihi kadar berkanun dan tidak membatalkan pilihan itu, mereka akan mencarum sebanyak 13 peratus berkuatkuasa dari gaji bulan April 2002.

Jika pekerja berkecuaan ingin mencarum pada kadar 11 peratus, mereka perlu memaklumkan kepada KWSP melalui surat atau dengan mengisi borang KWSP 18A (Pekerja), katanya.

Nik Affendi berkata kadar caruman baru itu akan dihantar kepada semua majikan dan mereka yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi pejabat KWSP Negeri atau mana-mana cawangan KWSP terdekat, serta boleh melayari lama web KWSP di alamat enquiry@epf.gov.my.

-- BERNAMA

AKT AHH NMO